

Pemasangan di kawasan berisiko perlu segera dilaksanakan

BH 4/2/08 ms 9

PELBAGAI pihak berpendapat pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi perlu dijadikan sebagai satu undang-undang wajib untuk menangani peningkatan kadar kes jenayah.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata penggunaan CCTV sebagai salah satu ejen menangani jenayah sudah terbukti berkesan di beberapa bandar raya maju seperti London apabila kebanyakan kes jenayah dapat diselesaikan dengan segera.

Justeru, katanya, memandangkan kadar jenayah di negara ini semakin meningkat, satu peruntukan khas perlu diperkenalkan bagi membolehkan pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi menjadi satu perkara wajib di bawah kendalian pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pemasangan CCTV adalah satu pendekatan terbaik bagi menangani jenayah. Namun, apa yang lebih utama, pemasangan tanpa pemantauan akan menjadikan ia satu langkah sia-sia dan tidak mendatangkan sebarang faedah.

"Sewajarnya, langkah kerajaan untuk menggalakkan pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi perlu dilengkapi dengan pasukan pemantau yang mempunyai hubungan terus dengan pihak polis supaya sebarang kejadian jenayah dapat ditangani segera," katanya.

Beliau berkata, semua PBT seluruh negara wajar diberi peruntukan secukupnya untuk memasang CCTV di semua jalan utama dan kawasan berisiko tinggi terutama di kawasan taman permainan kanak-kanak, lorong gelap, kawasan tumpuan ramai dan sekitar kawasan sekolah.

Katanya, meskipun kos pemasangan CCTV diakui sangat tinggi, tetapi bagi tujuan keselamatan, kerajaan wajar menyediakan satu peruntukan khusus disalurkan kepada PBT dengan mendapatkan kerjasama serta pandangan pihak polis.

"Polis pastinya tidak ada peruntukan khusus bagi tujuan pemasangan CCTV, tetapi dengan ada CCTV ia membantu tugas polis menyelesaikan kes jenayah," katanya.

Lee berkata, sektor swasta pula perlu menyokong usaha kerajaan meningkatkan kadar keselamatan di negara ini dengan memasang CCTV di premis perniagaan mereka sekurang-kurangnya untuk memantau situasi dalam premis dan boleh membantu polis membuat siasatan jika berlaku kes jenayah di luar premis mereka yang turut dilengkapi CCTV.

Bagaimanapun, katanya, pasukan khas perlu memantau penggunaan CCTV oleh sektor swasta kerana dikhuatiri disalahguna seperti pemasangan oleh syarikat yang menjalankan perniagaan haram dan penggunaan CCTV yang boleh mengganggu ketenteraman individu atau pencerobohan hak peribadi seperti pemasangan di bilik hotel.

Selain itu, Lee juga menyarankan supaya pemasangan CCTV di sekitar kawasan sekolah menjadi satu agenda wajib memandangkan kadar keselamatan di kawasan itu amat berisiko terutama di luar pagar sekolah.

"Banyak kes penculikan berlaku terutama ketika pelajar pulang dari sekolah. Pemasangan CCTV penting untuk memantau pergerakan murid terutama ketika keluar sekolah dan menunggu bas. Lebih penting, CCTV ada di luar pagar sekolah," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Dr Mohd Ali Hassan, berkata Kementerian Pelajaran sewajarnya menyediakan dana khusus kepada sekolah yang dikenal pasti berada di kawasan berisiko tinggi sama ada membabitkan kes jenayah atau gejala sosial.

Beliau berkata, meskipun kementerian sebelum ini menjelaskan tidak mempunyai peruntukan bagi pemasangan CCTV di semua sekolah, namun langkah itu tetap dianggap penting dan pemasangan secara berperingkat dengan keutamaan kepada sekolah berisiko tinggi wajar diberi perhatian.

"Paling tidak pun kerajaan perlu membantu PIBG yang berhasrat mencari dana bagi pemasangan CCTV di sekolah dengan memudahkan urusan mereka mendapatkan sumbangan sama ada menerusi surat sokongan atau mencadangkan syarikat yang boleh menyalurkan sumbangan.

"Jika nak diharapkan PIBG mencari dana sendiri untuk pemasangan CCTV memang sesuatu yang perit dan berat untuk dilaksanakan. Mana PIBG nak cari RM50,000? Nak minta sumbangan ibu bapa, nanti timbul isu lain pula sedangkan isu yuran sebelum ini pun tak habis-habis dipertikaikan," katanya.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Zainal Abidin Azim pula berkata, pemasangan CCTV di premis perniagaan boleh dimasukkan sebagai syarat utama sebelum sesuatu perniagaan itu dibenarkan beroperasi sama seperti syarat sedia ada, termasuk kelulusan Jabatan Bomba.

"Bagaimanapun, syarat itu perlu diputuskan Kerajaan Persekutuan dan negeri sebelum PBT boleh melaksanakannya sebagai satu undang-undang. Setakat ini, undang-undang itu belum ada dan PBT hanya memberi tumpuan kepada pemasangan CCTV di kawasan tumpuan ramai," katanya.

Zainal berkata, setakat ini MPS sudah menerima peruntukan untuk memasang 75 CCTV di kawasannya dengan 50 daripadanya menerusi peruntukan kerajaan negeri, manakala selebihnya menerusi peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.